

'Tren berhenti 15 minut...'

HARIAN METRO (26/05/2021) M15 06

Kuala Lumpur

Tren Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Kelana Jaya yang terbabit dalam kemalangan dengan sebuah lagi tren berdekatan Stesen LRT KLCC di sini, malam kelmarin dipercayai berhenti selama 15 minit dan bergerak semula selama beberapa saat sebelum berlanggar.

Menceritakan kejadian mencemaskan itu, mangsa, Afiq Luqman Mohd Baharudin, 27, berkata, pelanggaran itu mengakibatkan semua penumpang terpelanting dan terjatuh.

"Sewaktu kejadian, tren menghampiri KLCC dan saya mahu ke Ara Damansara.

"Kemalangan berlaku di laluan bawah tanah berhampiran KLCC dan impaknya sangat kuat hingga mengakibatkan ramai penumpang yang duduk dan berdiri terpelanting," katanya.

Afiq Luqman berkata, sebelum kejadian, tren berhenti selama 15 minit sebelum bergerak semula.

"Tidak sampai 10 saat bergerak berlaku pelanggaran kuat," katanya yang mengalami kecederaan di kepala, kaki kiri dan dada.

Menurutnya, tidak lama selepas kejadian, pasukan penyelamat tiba dan mengeluarkan semua penumpang termasuk dirinya yang kemudian dibawa ke Hospital



PENGGUNA menunggu giliran menaiki tren untuk ke destinasi masing-masing ketika tinjauan di Stesen LRT Pasar Seni, semalam. Perkhidmatan tren LRT Laluan Kelana Jaya beroperasi seperti biasa bermula jam 6 pagi semalam menggunakan satu landasan dengan disokong perkhidmatan bas perantara percuma.

Kuala Lumpur (HKL) untuk rawatan lanjut.

Sementara itu, beberapa mangsa lain berkongsi detik cemas insiden itu menerusi laman media sosial.

Antaranya pengguna Twitter, Lim Mahfudz yang berkongsi video dan gambar kemalangan yang dirakamnya sendiri.

"Keseluruhan video ini sa-

ya rekod sendiri dan saya baik-baik saja, tidak cedera. Syukur kepada Tuhan kerana melindungi saya. Bagi saya, kejadian ini satu tragedi dan mimpi ngeri yang benar-benar berlaku dalam hidup saya," kongsi Lim Mahfudz.

Katanya ada penumpang cedera akibat terkena serpihan cermin tingkap tren

yang pecah dan ada yang terpelanting selepas tren itu berhenti secara mengejut.

Dalam kejadian jam 8.33 malam kelmarin, dua tren LRT laluan Kelana Jaya bertembung di dalam terowong antara Stesen LRT Kampung Baru dan KLCC menyebabkan 47 penumpang parah manakala 166 lagi cedera ringan.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi Asisten Komisioner Mohamad Zainal Abdullah berkata, semua penumpang itu berada di dalam tren yang dalam perjalanan dari Stesen LRT KLCC ke Stesen LRT Gombak manakala sebuah lagi dari Stesen LRT Kampung Baru ke Stesen LRT Gombak dan hanya membawa seorang pemandu.